

30/05/2003

Kakitangan awam dinasihat berbelanja ikut kemampuan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan kakitangan awam

supaya 'mengukur baju di badan sendiri' apabila berbelanja kerana perbelanjaan lebih daripada pendapatan akan mendorong mereka mencari ceti

haram.

Perdana Menteri berkata, walau setinggi mana gaji seseorang itu, ia memang tidak pernah mencukupi selagi mereka tidak tahu mengurus kewangan sendiri, malah ada pegawai yang sanggup membeli lebih daripada sebuah kereta.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa mengambil kira banyak fakta sebelum menaikkan gaji kakitangan awam dan hanya akan berbuat demikian apabila merasakan ia mampu, bukan untuk mencari populariti.

"Kita harus berbelanja pada kadar yang kita mampu supaya kita tidak terpaksa berjumpa dengan along (ceti haram). Kalau kita urus wang dengan baik, kita selamat. Sebab itu, kerajaan tidak mahu berbelanja lebih," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira 500 kakitangan awam di Perhimpunan Hari Pekerja 2003 bagi sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara, semalam.

Pada akhir majlis itu, Dr Mahathir mengadakan dialog dengan peserta dan

menyampaikan cek bayaran ex-gratia mengikut skim bayaran pampasan kerajaan

kepada dua balu, Noradzma Yusof dan Hafizah Ismail, yang suami masing-masing mati ketika bertugas.

Sempena majlis itu juga, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghadiahkan buku bergambar bertajuk 'Mahathir Arkitek Pembangunan Awam' kepada Perdana Menteri.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan

Onn; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman dan Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam.

Mengenai gaji, Dr Mahathir berkata, selepas kemerdekaan, peratus kenaikan gaji golongan berpendapatan rendah adalah jauh lebih baik daripada peratus kenaikan gaji golongan yang berpendapatan tinggi.

Bagaimanapun, katanya, gaji tinggi tanpa disusuli daya pengeluaran yang

tinggi, tidak akan membawa makna dan akhirnya menyebabkan nilai mata wang

turun sekali gus memberi kesan kepada negara serta rakyat.

"Kalau gaji naik dan kuasa membeli tak naik, tidak bagus juga," katanya.

Dr Mahathir turut menegur tindakan sesetengah pihak mengadakan piket kerana kadar dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) rendah bagi tahun ini (4.25 peratus bagi 2002).

"Kita bukan tak nak bagi dividen tinggi, tetapi pelaburan kita rugi.

Kalau boleh, kita tak bagi dividen langsung," katanya.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris, Perdana Menteri berkata, beliau akan meminta Ketua Setiausaha Negara supaya mengarahkan kementerian dan jabatan kerajaan mengadakan kursus untuk bahasa itu di kalangan kakitangan masing-masing.

Katanya, bahasa Inggeris amat penting jika sesebuah negara mahu maju kerana ia bahasa antarabangsa yang perlu dikuasai terutama apabila berinteraksi di luar negara.

Beliau berkata, kesatuan sekerja perlu bertindak berdasarkan kewarasan dan bukannya berdasarkan kekuatan dalam membuat sesuatu tuntutan.

"Jika kesatuan sekerja merasa kuat dan buat tuntutan tidak ambil kira kesan kepada perniagaan, majikan dan negara, akibatnya pekerja sendiri akan menderita," katanya.

Perdana Menteri berkata, kesatuan sekerja dalam membuat sebarang tuntutan juga perlu berdasarkan kepada kemampuan majikan.

Dr Mahathir berkata, kesatuan sekerja tempatan apabila hendak sesuatu perlu mengira kemampuan 'pihak yang memberi' dan keadaan ekonomi negara.

Beliau berkata, apabila keadaan ekonomi tidak begitu baik, banyak syarikat menghadapi masalah dan negara akan rugi kerana kerajaan tidak dapat mengutip cukai.

"Dengan itu kerajaan tidak dapat menambah pendapatan seperti yang diharapkan dan akhirnya kemampuan negara berkurangan kerana pelaburannya tidak memberi pulangan yang sewajarnya," katanya.

Dalam majlis dialog kemudian, Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah berhenti mempelajari pelbagai perkara untuk memimpin negara dengan berkesan sejak menjadi Perdana Menteri 22 tahun lalu.

"Saya belajar untuk menjadi Perdana Menteri (sebaik dilantik pada Julai

1981)," katanya apabila diminta oleh seorang pegawai supaya memberikan nasihat kepada pegawai muda kerajaan dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020 bagi membangunkan Malaysia sebagai negara maju.

Perdana Menteri berkata, beliau terus belajar sehingga sekarang mengenai langkah yang perlu diambil dan harus dielakkan, serta sentiasa berusaha menguasai pelbagai ilmu.

Beliau berkata, jika sesebuah negara sentiasa menukar perdana menteri dalam jangka masa singkat sukar bagi negara itu maju kerana setiap perdana menteri memerlukan masa mempelajari cara paling berkesan untuk mentadbir dan memimpin.

Katanya, sebaik saja dilantik sebagai perdana menteri, beliau mengetepikan kepentingan peribadi dan menumpukan sepenuh perhatiannya kepada kepentingan negara.

"Ketepikan perkara yang tidak ada kaitan dengan tugas," katanya sambil menambah perkara utama yang perlu ada pada setiap pegawai adalah disiplin, termasuk mengawal kehendak peribadi bagi tujuan kepentingan bersama serta kesetiaan dan mempertingkatkan keupayaan sepanjang masa.

Dr Mahathir berkata, kakitangan kerajaan juga perlu sentiasa mengikut arahan bagi memastikan tanggungjawab dapat dijalankan sebaik mungkin dan dalam mengeluarkan arahan, mereka perlu memastikan yang arahan itu mampu

dilaksanakan.

"Saya tidak arah orang buat apa yang saya tidak sanggup buat,"
katanya.